

23 FEB 1998

Merdeka

PULAU PINANG PILIH USM SEBAGAI TAPAK SAMBUTAN HARI KEBANGSAAN

PULAU PINANG, 23 Feb (Bernama) -- Kerajaan Negeri mencadangkan kampus Universiti Sains Malaysia (USM) dan jalan raya di hadapan kampus itu sebagai lokasi sambutan dan perarakan Hari Kebangsaan peringkat nasional tahun ini, kata Ketua Menteri Tan Sri Dr Koh Tsu Koon.

Beliau berkata anggota-anggota Mesyuarat Majlis Kerajaan Negeri bersetuju dengan lokasi itu dan telah mengemukakan cadangan itu kepada jawatankuasa sambutan Hari Kebangsaan, yang dipengerusikan Menteri Kebudayaan, Keseniaan dan Pelancongan Datuk Sabbaruddin Chik, dan Kabinet untuk dipertimbangkan.

Kampus USM dipilih memandangkan kawasannya yang luas dan sesuai untuk menampung para peserta sambutan daripada seluruh negara berbanding cadangan asal Kerajaan Negeri untuk mengadakan sambutan itu di Padang Kota Lama (Esplanade).

Padang Kota Lama dan jalan raya di sekitarnya agak kecil untuk menampung perarakan itu dan beberapa batang pokok, yang ditanam pemimpin asing, di hadapan Dewan Bandaran terpaksa ditebang sekiranya sambutan diteruskan di tempat itu, katanya kepada pemberita pada persidangan akhbar minggunya di sini.

Beliau berkata Kerajaan Negeri akan mengadakan pelbagai persiapan termasuk membuka pembahagi jalan dan tiang lampu di sekitar USM serta aliran lalu lintas bagi memudahkan perarakan kontinjen-kontinjen yang mengambil bahagian.

Koh berkata sebuah jawatankuasa khas sambutan itu di peringkat negeri ditubuhkan dan dianggotai speaker, Datuk Yahaya Abdul Hamid, Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Jamaluddin Ahmad Damanhuri dan pegawai-pegawai kanan daripada pelbagai jabatan.

Beliau berkata Kerajaan Negeri berasa amat bangga dipilih menjadi tuan rumah sambutan Hari Kebangsaan pada 31 Ogos ini, yang akan dihadiri Yang di-Pertuan Agong Tuanku Jaafar, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad serta anggota-anggota kabinet yang lain.

Beliau meminta penduduk Pulau Pinang supaya datang beramai-ramai ke acara dan mengambil bahagian dalam setiap acara sambutan yang disusun kelak.

Kerajaan Negeri telah menawarkan diri menjadi tuan rumah sambutan itu pada 1999 tetapi berikutan kesibukan bandaraya Kuala Lumpur menganjurkan Sukan Komanwel tahun ini, Pulau Pinang diminta menganjurkannya setahun lebih awal.

Mengenai peruntukan mengadakan sambutan itu, Koh berkata peruntukan itu disediakan Kerajaan Pusat dan Kerajaan Negeri akan berusaha membantu jawatankuasa sambutan itu menyediakan pelbagai kemudahan demi keselesaan para peserta kelak. -- BERNAMA

ZU NAK